



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
جامعة إنسانية
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
DI MAJLIS PENUTUP MINGGU SILATURRAHIM 2016
SESI 2016 / 2017**

**PADA : 15 JUN 2016
TEMPAT : DEWAN PERMAISURI TUANKU HAJAH
HAMINAH**

TEKS UCAPAN
MAJLIS PENUTUP MINGGU SILATURRAHIM 2016
SESI 2016/2017

15 Jun 2016 | Dewan Permaisuri Tuanku Hajah Haminah

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.

**ALHAMDULILLAHI RABBIL 'ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU 'ALA
RASULILLAH WA SOHBIHI AJMA'IN.**

ASSALAMUALAIKUM W.B.T,

YBhg. Tuan Haji Bukhori Bin Abdullah, Timbalan Rektor
Pengurusan, Kewangan & Hal Ehwal Pelajar,

YBhg. Tuan Haji Abdullah Bin Hashim, Pendaftar

YBhg. Encik Mohd Zamri Bin Shahdan, Bendahari

YBhg. Profesor-Profesor Universiti,

Dekan-Dekan Kulliyah & Ketua-Ketua Jabatan,

Pegawai-pegawai akademik dan pentadbiran,

Dan seterusnya pelajar-pelajar baru sesi kemasukan JUN 2016/2017 Kolej
Universiti Insaniah yang di kasihi sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi
kesyukuran ke hadrat Allah Taala, Tuhan sekalian alam kerana dengan
limpah rahmat dan izinnya, maka kita dapat bertemu dalam **Majlis
Penutup Minggu Silaturrahim bagi sesi 2016/2017** pada petang yang
pernuh barakah ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan "**Selamat Datang, Ahlan Wa
Sahlan**" kepada seramai hampir**600**..... pelajar-pelajar baru KUIN yang
telah pun mendaftarkan diri dua hari yang lepas. Setinggi-tinggi ucapan

tahniah kerana pelajar-pelajar terpilih untuk memasuki KUIN, kerana disinilah pelajar-pelajar akan menimba ilmu pengetahuan dan membentuk keperibadian diri untuk cabaran yang akan datang. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "**Selamat Berpuasa & Selamat Menjalankan Ibadah**" pada bulan yang dinanti-nantikan ini iaitu Ramadhan al-Mubarak. Syabas dan terima kasih juga saya ucapkan kepada petugas-petugas Universiti, fasilitator dan Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) yang telah bertungkus-lumus memastikan sesi pendaftaran dan MSR ini dilaksanakan sebaik mungkin dan dengan jayanya.

Mahasiswa/i sekalian,

Saya mengharapkan program MSR yang diadakan selama 3 hari ini, dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) akan memberi manfaat kepada semua mahasiswa/i baru berhubung perjalanan Universiti. Ia penting untuk mengelakkan pelajar baru menghadapi masalah semasa menuntut ilmu, terutama melibatkan hal-hal akademik. Selain itu, MSR ini juga merupakan platform kepada mahasiswa/i untuk menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan di Universiti. Ambillah kesempatan ini untuk menjalinkan ikatan silaturrahim dan mengenali antara satu sama lain, memandangkan latar belakang mahasiswa/i semua yang terdiri dari pelbagai latar belakang dan dari negeri berbeza. Kenali dan jadikan mereka ini sebagai rakan dan sahabat untuk meneruskan kehidupan di kampus Universiti.

Sebagai salam perkenalan dari saya sebagai Rektor KUIN kepada pelajar-pelajar baru, saya ingin mengajak seluruh warga KUIN khususnya pelajar-pelajar baru, barisan kepimpinan pelajar seperti MPM dan persatuan-persatuan serta seluruh mahasiswa untuk bersama-sama saya, seiring dan selangkah untuk membangunkan kolej universiti ini ke mercu kejayaan sejajar dengan moto insaniah "**PENEROKAAN KE ARAH KEBIJAKSANAAN**".

Hadirin sekalian,

Sebagai makluman, Kolej Universiti INSANIAH (KUIN) ini merupakan titik tolak utama ke arah pembangunan dan kemajuan pendidikan tinggi Islam di Negeri Kedah Darul Aman. Sehingga kini, KUIN terus berkembang dengan jayanya hampir 2 dekad lamanya dan kini KUIN mampu dianggap sebagai sebuah institusi yang sudah melangkaui proses kematangan dan rasionalisasi dalam mendidik generasi melenia mendalami ilmu-ilmu Islam dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan. Seperti yang diketahui, Kedah adalah sebuah negeri yang terkenal dengan taburan pondok-pondok pengajian Islam dan telahpun melahirkan begitu ramai tokoh-tokoh ilmunan Islam yang telah menabur bakti dibumi yang kita cintai ini.

Bersama visi dan misi KUIN, saya yakin dan percaya kita mampu ke hadapan dalam mengejar apa jua yang diinginkan berpandukan Al-Quran dan Al-Hadis yang diwariskan oleh Junjungan Besar kita Nabi Muhammad S.W.A.

Sebagai pelajar, kita perlu bersama-sama kepimpinan mahasiswa baik diperingkat Majlis Perwakilan Mahasiswa, kulliyah dan juga persatuan untuk bersama-sama berganding bahu dan tenaga dalam mengetengahkan kepintaran dan keistimewaan yang ada pada pelajar KUIN melalui persatuan atau aktiviti kemasyarakatan, program berunsur intelektual, berteknologi, berdaya saing serta aktiviti sukan yang dapat melonjakan nama KUIN ke persada negeri, negara seterusnya antarabangsa.

Mahasiswa perlu mempunyai minda terbuka serta mampu menyampaikan pendapat atau pandangan kepada pelbagai pihak tetapi tidak mengetepikan nilai-nilai akhlak sebagai seorang pelajar yang menuntut ilmu pengetahuan. Sifat rendah diri dan saling bersaing untuk mencapai sesuatu tujuan dan matlamat yang positif adalah digalakan bagi membangkitkan pengaruh keilmuan yang lahir dalam diri seorang yang bergelar mahasiswa.

Mahasiswa/i sekalian,

Saya juga ingin berkongsi beberapa pencapaian pelajar-pelajar KUIN dari awal tahun sehingga ke hari ini. Pada awal tahun yang lalu, KUIN telah diberikan kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi Karnival Amal Islami Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTIM) 2016 yang mana penganjurannya mendapat pujian dari kalangan IPT yang bertanding. Sebanyak 24 acara dipertandingkan dalam program yang dihoskan oleh Kolej Universiti Insaniah sendiri bermula dari 19 hingga 21 Februari 2016.

Pada 6 Mac 2016 yang lalu pula, Skuad Perahu Naga INSANIAH sekali lagi membuktikan penguasaan apabila muncul juara buat kali ketujuh berturut-turut dalam Temasya Sukan Sungai 2016 yang diadakan sempena Perayaan Ulang Tahun Keputeraan KDYMM Tuanku Sultan Kedah ke-88.

Selain itu, KUIN turut berbangga atas kejayaan Mohamad Umar Mansu menjadi naib johan kategori hafazan dalam Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa ke-58. Penuntut di Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang KUIN itu terpilih mewakili negara setelah berjaya muncul johan hafazan peringkat negeri dan kebangsaan awal tahun ini.

Itulah antara sorotan kejayaan yang telah dikecapi oleh pelajar-pelajar KUIN. Saya dengan penuh harapan, semoga pelajar-pelajar baru pada hari ini juga mampu untuk menempa kejayaan seperti mereka sekaligus membawa dan meletakkan nama KUIN di peringkat yang tertinggi.

HARAPAN KEPADA PELAJAR BARU

Saya ingin mengingatkan kepada mahasiswa/i untuk mengamalkan sikap positif dan tekad yang padu untuk berjaya. Mahasiswa/i perlu merasakan betapa bertuahnya terpilih untuk melanjutkan pengajian di KUIN ini. Nasihat saya kepada semua, anda berusaha bersungguh-sungguh untuk memikul tanggungjawab secara kolektif bersama warga Universiti untuk menaikkan nama Universiti ke peringkat yang lebih tinggi.

Kita perlu bersama-sama untuk singkirkan segala sikap negatif, sambil lewa, malas dan suka bertangguh. Tingkah laku dan amalan ini tidak sesuai untuk dipraktikkan dalam budaya kecemerlangan. Di samping itu, hayati keseronokan dan kepayahan ketika mengutip ilmu pengetahuan ketika mahasiswa/i masih bergelar “pelajar”. Segala-galanya bermula disini, dengan kenangan dan cabaran yang menuntut banyak pengorbanan dan kecekalan, sekaligus membentuk personaliti dan kebolehan pelajar baru.

Akhir kata, selain berusaha ke arah pertambahan bilangan kemasukkan pelajar, saya dan pentadbiran KUIN juga amat menitikberatkan tentang kualiti akademik baik di peringkat prasiswazah mahupun pascasiswazah, untuk mencapai pelbagai pengiktirafan yang tinggi sebagai sebuah universiti. Dalam mencapai misi dan visi universiti, seluruh warga KUIN perlu memiliki ciri-ciri yang berkualiti demi mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan serta khidmat masyarakat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada kakitangan Universiti, fasilitator, penceramah dan Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) yang telah berusaha menjayakan MSR sekaligus meraikan pelajar-pelajar baru bagi sesi ini. Kepada semua para mahasiswa/i saya ucapkan semoga maju jaya semasa menuntut di KUIN ini.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

*Pejabat Rektor
Jun 2016*

Kita perlu bersama-sama untuk singkirkan segala sikap negatif, sambil lewa, malas dan suka bertangguh. Tingkah laku dan amalan ini tidak sesuai untuk dipraktikkan dalam budaya kecemerlangan. Di samping itu, hayati keseronokan dan kepayahan ketika mengutip ilmu pengetahuan ketika mahasiswa/i masih bergelar "pelajar". Segala-galanya bermula disini, dengan kenangan dan cabaran yang menuntut banyak pengorbanan dan kecekalan, sekaligus membentuk personaliti dan kebolehan pelajar baru.

Selain berusaha ke arah pertambahan bilangan kemasukkan pelajar, saya dan pentadbiran KUIN juga amat menitikberatkan tentang kualiti akademik baik di peringkat prasiswazah mahupun pascasiswazah, untuk mencapai pelbagai pengiktirafan yang tinggi sebagai sebuah universiti. Dalam mencapai misi dan visi universiti, seluruh warga KUIN perlu memiliki ciri-ciri yang berkualiti demi mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan serta khidmat masyarakat.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada kakitangan Universiti, fasilitator, penceramah dan Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) yang telah berusaha menjayakan MSR sekaligus meraikan pelajar-pelajar baru bagi sesi ini. Kepada semua para mahasiswa/i saya ucapkan semoga maju jaya semasa menuntut di KUIN ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan penutupan Minggu Silaturrahim Kolej Universiti INSANIAH bagi sesi kemasukan JUN 2016/2017.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

*Pejabat Rektor
Jun 2016*